

Penubuhan tribunal tidak perlu **Isu Eusoff** **ada agenda** **politik: PM**

Oleh Kadir Dikoh

BH 14 JUN 2000

SUBANG, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, tidak perlu diwujudkan tribunal untuk menyiasat dakwaan terhadap Ketua Hakim Negara, Tun Eusoff Chin, berkaitan percutiannya bersama seorang peguam di New Zealand.

Sebaliknya, Perdana Menteri berpenahat ada agenda politik di sebalik cadanean itu dan ia adalah satu percubaan untuk melucutkan jawatan seorang yang menjadi Ketua Hakim Negara.

“Saya tak nampak apa keperluan (tribunal). Saya fikir ada usaha politik di belakng, ada niat yang tidak baik untuk melaga-lagakan kerajaan dengan hakim supaya apabila hakim marah, mereka harap hakim akan membuat keputusan yang merugikan kerajaan.

“Undang-undang atau perlembagaan negara telah menetapkan prosedur tertentu membolehkan seseorang hakim itu ditamatkan perkhidmatan. Saya tak tahu proses tribunal yang dicadangkan ini mengikut atau tidak mengikut undang-undang atau perlembagaan negara,” kata-

nya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, petang inisekembalinya dari lawatan kerja selama seminggu ke Jepun.

Dr Mahathir diminta mengulas cadangan Majlis Peguam Malaysia untuk mengadakan mesyuarat bagi mengundi satu cadangan supaya dituhuhkan sebuah tribunal atau Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk menyiasat dakwaan terhadap Eusoff berhubung percution beliau di New Zealand.

Kontroversi itu timbul selepas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim mengulas dalam satu wawancara di Australia pada 30 Mei lalu mengenai gambar yang disiarkan dalam Internet yang menunjukkan Eusoff dengan sepeguam dari Malaysia, Datuk V K Linggam ketika percution itu.

Dr Mahathir berkata, pada masa lalu apabila kerajaan mengambil tindakan melucutkan jawatan (ketua hakim negara), Majlis Peguam telah mengecamnya.

“Sekarang mereka nak satu hakim yang memihak kepada mereka, sama juga tudu-

han kalau mereka tuduh kita menjatuhkan seorang hakim, kerana kita tidak bersetuju dengannya. Ini nampak mereka juga sanggup berbuat demikian...apa bezanya.

“Kalau mereka boleh buat, kerajaan tak boleh buat, tentu mereka boleh buat. Kalau mereka boleh buat, kerajaan tak boleh buat, saya tak faham,” katanya.

Beliau berpta, kerajaan tidak pernah bersungut walaupun banyak keputusan mahkamah tidak memihak kepadanya atau parti kerajaan.

“Kita tak pernah komplek, kita terima saja kerana kita percaya kepada kebebasan kehakiman, tapi nampaknya sementara orang yang tuduh kita ini tak beri kebebasan kepada hakim, mereka nak supaya kebebasan hakim itu dikongkong oleh mereka,” katanya.

Dr Mahathir berpendapat isu itu sengaja dibangkitkan sedangkan ia berlaku pada 1994 kerana kemungkinan mempunyai agenda politik yang mungkin juga berkaitan dengan perkara lain yang berlaku di negara ini.